



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SIASATAN DAN PEMANTAUAN ADUAN PEMBUANGAN SISA MINYAK DI SUNGAI RASAU**

Pada 6 Disember 2019, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima aduan daripada orang awam berkenaan pembuangan sisa minyak bahan api ke dalam Sungai Rasau sekitar Taman Rashna, Klang. Sejurus itu, LUAS serta merta menjalankan siasatan dan pemantauan di tapak lokasi yang diadukan bagi mengenalpasti punca pencemaran seperti didakwa oleh pengadu di mana dari stesen minyak Petron berhampiran. Siasatan juga turut disertai oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS) dan juga Pejabat Parlimen Shah Alam.

Semasa siasatan dijalankan, terdapat bau yang kuat seperti sisa minyak bahan api di atas jambatan yang menghubungkan Jalan Batu Tiga Lama dengan Taman Rashna. Walau bagaimanapun, pihak JAS memaklumkan tidak menemui sebarang punca yang menjadi penyumbang kepada pencemaran sisa minyak tersebut di dalam Sungai Rasau. Selain itu, LUAS dan JAS turut membuat tinjauan di stesen minyak Petron berhampiran jika terdapat sebarang kebocoran *submersible sump* bawah tanah. Namun, didapati stesen tersebut sedang ditutup bagi menjalankan kerja penyelenggaraan tapak dan juga pembersihan.

LUAS juga dimaklumkan oleh Inspektor Pakar (specialist inspector) dari Petron yang menyiasat tiada sebarang kebocoran dari *sump* bawah tanah berlaku, bahkan hasil pemeriksaan di longkang juga bersih. Pemilik stesen minyak berkenaan menyatakan punca kejadian berlaku adalah berkemungkinan disebabkan oleh banjir yang berlaku pada petang semalam (5 Disember 2019) sehingga paras air banjir mencecah 5 kaki dan menyebabkan operasi di stesen minyak terpaksa ditutup.

Berdasarkan perbincangan di tapak bersama agensi yang terlibat, mengkonklusikan punca pencemaran sisa minyak bahan api berkemungkinan adalah disebabkan terdapat aliran sisa dari longkang-longkang berhampiran yang melimpah semasa kejadian banjir termasuk dari kawasan industri berat sekitar Jalan Batu Tiga Lama



**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

yang mengalir masuk ke dalam Sungai Rasau. LUAS telah menjalankan pensampelan di tapak kejadian, untuk dianalisa. Sehingga kini, LUAS dan pihak yang berkenaan berusaha untuk menangani aduan ini dan mencari punca sebenar pencemaran tersebut.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

**9 DISEMBER 2019**